

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tempoh dos penggalak vaksin Sinovac tak dilanjut

Status vaksinasi bertukar kepada tidak lengkap jika masih enggan ambil suntikan sebelum 31 Mac

(Oleh Nuhantia Idris dan Mohd Navaruddin Parai
bhnews@bh.com.my)

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan melanjutkan lagi tempoh pemberian dos penggalak yang ditetapkan sehingga 31 Mac ini kepada penerima vaksin Sinovac.

Menteri, Khairy Jamaluddin, berkata jika mereka masih enggan mendapatkan vaksin itu selepas tarikh berkenaan, status vaksinasi mereka bertukar kepada tidak lengkap.

"Tempoh yang kita beri bukan berkaitan Pilihan Raya Negeri (PRN), tapi bagi masa kepada mereka untuk melengkapkan dalam tempoh lanjutan (yang diberi). Ini yang terakhir dan mutakhir."

"Jika (pada tarikh) akhir ini mereka tidak dapat dos penggalak, maka status mereka adalah tidak lengkap," katanya menja-



Khairy pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

wab soalan tambahan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

KKM sebelum ini menetapkan tempoh akhirnya adalah sehingga 28 Februari lalu, namun dilanjutkan sehingga 31 Mac ini. Khairy berkata, inisiatif KKM memberi pilihan kepada orang ramai memperoleh vaksin pilihan mereka di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) meningkatkan keyakinan untuk mendapatkan dos penggalak.

"Kita buat keputusan untuk memastikan pertama, kita sudah memperluas pemberian booster kepada semua melalui walk-in di PPV."

"Kedua, memberi pilihan boost-

ter kepada mereka yang belum mendapatkan dosnya, sebab ada keengganan dalam kalangan penerima vaksin untuk menerima dos campuran daripada dos primer mereka.

"Di beberapa PPV, kita bagi pilihan dan ini membantu menaikkan liputan vaksinasi yang sebelum ini mereka tidak mahu," katanya.

Menjawab soalan asal Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu), Khairy berkata, KKM sudah mengaktifkan semula National COVID-19 Rapid Response Task Force (RR-TF 2.0) bermula 7 Februari lalu dalam menghadapi cabaran gelombang Omicron.

"Ini bagi memastikan akses ke Pusat Kuarantin dan Rawatan

COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital terjamin serta melakukan pemantauan kes positif COVID-19 melalui Pusat Penilaian COVID-19 secara maya (VCAC).

"(Selain pemberian dos penggalak, KKM juga) membangunkan COVID-19 Clinical Care Pathway bagi tujuan memulakan ubat antiviral terkini yang akan diberikan kepada pesakit COVID-19 berisiko tinggi pada peringkat lebih awal semasa mereka bergejala ringan bagi mencegah jangkitan menjadi lebih teruk," katanya.

Dalam pada itu katanya, berbanding varian Delta, Omicron lebih suka menjangkiti dan membiak pada bahagian atas saluran pernafasan dan sifat ini memberikan nilai tambah kepada keupayaannya untuk menjangkiti secara mudah serta pantas.

"Varian Omicron juga didapati kurang berkapsiti untuk menjangkiti tisu paru-paru. Ini mungkin menjelaskan mengapa individu dijangkiti varian berkenaan mempunyai jangkitan yang lebih ringan berbanding dengan varian Delta," katanya.

Katanya, biarpun ada trend peningkatan kemasukan ke hospital ketika gelombang Omicron, kadar discaj dari hospital juga naik mendadak memandangkan kadar sembuh yang tinggi dan tempoh rawatan di hospital yang tidak berpanjangan.

93 peratus laporan AEFI tidak serius

Putrajaya: Sejumlah 93 peratus daripada 25,445 laporan kesan adversus imunisasi (AEFI) diterima Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPR) Kementerian Kesihatan (KKM) sehingga 25 Februari lalu disahkan tidak serius.

Pengarah NPR, Dr Roshayati Mohamad Sani berkata, jumlah itu membabitkan 23,692 laporan itu biasanya akan pulih dalam tempoh sehari dua, dengan antara contoh AEFI tidak serius termasuk demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

Sementara baki 1,753 laporan lagi, katanya dikategorikan sebagai AEFI serius dengan kadar 26 laporan bagi setiap sejuta dos.

"Kesan AEFI serius adalah yang memerlukan kemasukan ke hospital, pembedahan tempoh di wad, mengancam nyawa, atau disyaki menyebabkan kematian," katanya pada Sesi Taklimat Bersama Media berhubung Laporan AEFI Vaksin COVID-19 Siri 2/2022, secara dalam talian, semalam.

Beliau berkata, angka keseluruhan laporan AEFI diterima pihaknya itu termasuklah 1,275 laporan membabitkan dos penggalak dan 94 laporan dalam kalangan penerima vaksin kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun.

Pertimbang vaksinasi 'walk-in'

Kuala Lumpur: Sarawak mencatatkan peratusan vaksinasi kanak-kanak tertinggi dengan 57 peratus mereka yang berusia lima hingga 11 tahun sudah melengkapkan dos pertamanya setakat ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) juga sedia mempertimbangkan pemberian vaksin secara walk-in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Sarawak khususnya sepanjang tempoh cuti persekolahan ini.

"Sarawak sudah mencapai kadar agak tinggi di Malaysia, yang mana 57 peratus kanak-kanak sudah menerima dos pertama. Namun demikian, sudah pasti kita akan memudahkan lagi proses vaksinasi di Sarawak dan program Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids) di bawah tanggungjawab Bagan Serai (Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali).

"Saya akan maklumkan kepada Bagan Serai untuk kita buka PPV secara walk-in terutama di kawasan yang mana tidak ada lagi janji temu atau semua yang sudah minta janji, sudah diselesaikan," katanya.

8 negeri guna lebih 50 peratus katil di ICU

Putrajaya: Lapan negeri mencatatkan penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus bagi pesakit COVID-19, sehingga kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata penggunaan katil ICU paling tinggi dilaporkan di Putrajaya iaitu mencecah 67 peratus, diikuti Kuala Lumpur dengan 65 peratus.

Beliau berkata, negeri lain yang mencatatkan penggunaan melebihi 50 peratus ialah Johor dan Melaka, masing-masing 63 peratus, Kelantan (58 peratus), masing-masing 55 peratus di Perlis dan Selangor serta Sabah (53 peratus).

Bagi katil bukan ICU, katanya, 12 negeri mencatatkan penggunaan 50 peratus, iaitu Kelantan dan Kuala Lumpur, masing-masing 94 peratus, Perak (90 peratus), Putrajaya (86 peratus), Selangor (81 peratus), Perlis (78 peratus) dan Pahang (73 peratus).

Selain itu, Johor (66 peratus), Terengganu (62 peratus), Pulau Pinang (60 peratus), Sabah (54 peratus) dan Sarawak (52 peratus), manakala hanya satu negeri mencatatkan penggunaan 50 peratus bagi penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) iaitu di Melaka dengan 60 peratus.

"Bilangan pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan juga meningkat ke-

pada 213 pesakit dan peratusan penggunaannya 36 peratus, daripada keseluruhan untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19," katanya.

Sementara itu, sebanyak 25,854 kes baharu COVID-19 dilaporkan kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada 3,468,590 kes.

Beliau berkata, 99.41 peratus atau 25,702 kes membabitkan pe-

sakit COVID-19 dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan, manakala 0.59 peratus atau 152 kes dalam kategori tiga hingga lima.

"Sebanyak 58.55 peratus atau 89 kes dalam kategori tiga hingga lima membabitkan individu yang sudah menerima dua dos vaksin tetapi belum mendapatkan dos penggalak."

"Dalam pada itu, sebanyak 65 kes atau 42.76 peratus membabitkan pesakit berusia 60 tahun dan ke atas, mempunyai komorbid (51 kes), sudah menerima dos penggalak (38 kes), tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksin (25 kes) dan ibu mengandung (satu kes)," katanya.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, sebanyak 25,548 kes sembuh dilaporkan, kelmarin menjadikan 3,142,112 individu pulih sepenuhnya daripada jangkitan virus itu sejak ia menular di negara ini.

Bilangan pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan juga meningkat kepada 213 pesakit dan peratusan penggunaannya 36 peratus, daripada keseluruhan untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat



Petugas barisan hadapan kesihatan diberi elaun khas sebagai menghargai sumbangan mereka dalam usaha mengekang penularan COVID-19. (Foto hiasan)

KKM semak perluas elaun khas petugas barisan hadapan

Kumpulan terbabit pengurusan wabak COVID-19 turut layak: Khairy

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menyemak dan mengemas kini dari semasa ke semasa dalam memperluaskan pemberian elaun khas kepada petugas barisan hadapan kesihatan yang mengurus pandemik COVID-19.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata selain doktor, jururawat dan pemandu ambulans yang ketika ini termasuk dalam kalangan petugas yang layak menerima elaun khas berkenaan, terdapat kumpulan lain yang terbabit dalam pengurusan wabak itu.

"Kumpulan yang layak menerima elaun khas ini akan kita semak, akan kemas kini dari semasa ke semasa, contohnya ahli fisioterapi yang terlibat dalam rawatan pesakit 'long COVID' yang kita fikir menepati kriteria untuk mendapat elaun khas," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin) yang mahu Khairy menyatakan pembayaran bonus kepada pekerja barisan hadapan dalam kalangan kakitangan kesihatan.

Khairy berkata sehingga 31 Disember tahun lalu sebanyak RM1.1 bilion elaun khas dibayar kepada petugas barisan hadapan kesihatan.

Pada Mac 2020, kerajaan mengumumkan peningkatan elaun khas daripada RM400 kepada RM600 bagi petugas kesihatan seperti doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang ter-

habit secara langsung dalam pengurusan serta usaha mengekang penularan COVID-19 di negara ini.

Berkenaan aduan petugas barisan hadapan yang tidak menerima elaun khas kerana tidak mengambil vaksin, Khairy berkata antara syarat untuk layak menerimanya adalah petugas mesti mendapatkan vaksin COVID-19 di samping syarat-syarat lain termasuk jumlah hari bekerja.

"Tetapi jika petugas tidak boleh menerima vaksin akibat isu kesihatan, mereka tetap layak dibayar elaun khas," katanya.

Menjawab soalan mengenai jumlah doktor kontrak yang akan diserap ke jawatan tetap tahun ini, Khairy berkata kekosongan jawatan pegawai perubatan ialah 3,586.

Katanya, iklan jawatan kosong diiklankan di laman sesawang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sejak kelmarin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



SUASANA lengang tanpa kehadiran orang ramai di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Dewan Ang Si Chong, Butterworth, Pulau Pinang, kelmarin. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

PENGUNAAN KATIL KES KRITIKAL & ICU

8 negeri melebihi 50%

Oleh Yusmizal Dolah
Ailing
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lapan negeri mencatatkan penggunaan katil kes kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) untuk pesakit Covid-19 melebihi 50 peratus pada kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lapan negeri berkenaan adalah Putrajaya (67 peratus), Kuala Lumpur (65 peratus), Johor (63 peratus), Melaka (63 peratus), Kelantan (58 peratus), Perlis (55 peratus), Selangor (55 peratus) dan Sabah 53 peratus.

Menurutnya, peratusan pengisian melebihi 50 pe-



Pesakit Covid-19 memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 213 dan peratusan penggunaan ventilator 36 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19"

Dr Noor Hisham

ratus bagi katil bukan ICU pula membabitkan 12 negeri iaitu Kelantan (94 peratus), Kuala Lumpur (95 peratus), Perak (90 peratus), Putrajaya (86 peratus), Selangor (81 peratus), Perlis (78 peratus),

Pahang (73 peratus), Johor (66 peratus), Terengganu (62 peratus), Pulau Pinang (60 peratus), Sabah (54 peratus) dan Sarawak 52 peratus.

"Hanya Melaka menggunakan katil Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) melebihi 50 peratus apabila penggunaannya mencapai 60 peratus.

"Pesakit Covid-19 memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 213 dan peratusan penggunaan ventilator 36 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19," katanya.

Menurutnya, KKM ingin menjelaskan ada perbezaan antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes Covid-19 ka-

tegori satu hingga lima yang baharu didiagnosa pada setiap hari.

Katanya, ia memandangkan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19.

"Misalnya, mungkin pesakit tersebut berada pada kategori 2A dan diisolasi di rumah melalui Home Surveillance Order (HSO) digital apabila didiagnosa namun status kesihatan pesakit boleh merosot ke kategori tiga atau lebih serta memerlukan kemasukan ke hospital.

"Pada masa sama, ada kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.

904,368 kanak-kanak terima dos pertama

Kuala Lumpur: Seramai 904,368 atau 25.5 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, 14,736,569 individu atau 62.6 peratus populasi dewasa di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 dan 22,950,422 atau 97.5 peratus melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,230,349 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17, seramai 2,801,714 individu atau 90

25.5%

Peratusan Populasi Kanak-Kanak sudah terima dos pertama

peratus daripada populasi itu melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,897,292 atau 93.1 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan 101,038 dos vaksin diberikan meliputi 26,476 dos pertama, 1,300 dos kedua dan 73,262 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 67,313,182.

25,854 kes baharu Covid-19 kelmarin

Kuala Lumpur: Jumlah kes Covid-19 meningkat sedikit kepada 25,854 kelmarin berbanding 23,100 kes pada Isnin lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif setakat ini 3,468,590 kes.

Menurutnya, 25,548 kes dilaporkan sembuh menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh 3,142,112 kes.

"Kes import dilaporkan 448 kes iaitu membabitkan 378 warganegara dan 70 lagi bukan warganegara.

"Kes tempatan 25,406 kes iaitu 24,543 warganegara dan 863 adalah bukan warganegara," katanya.

Beliau berkata, 374 kes memerlukan rawatan di

25,548

Jumlah kes dilaporkan sembuh dari Covid-19

unit rawatan rapi (ICU) dengan 134 disahkan Covid-19, 240 kes disyaki kemungkinan dan kes dalam siasatan.

"Sebanyak 25,702 kes (99.41 peratus) terdiri daripada kategori satu dan dua manakala 152 kes (0.59 peratus) lagi kategori tiga, empat dan lima," katanya.

Beliau turut mengemukakan terdapat tujuh kluster baharu menjadi keseluruhan kluster adalah 6,789 dengan jumlah kluster aktif sebanyak 475 kluster.

Kuala Lumpur: Tempoh pemberian dos penggalak kepada individu yang menerima vaksin jenis Sinovac yang ditetapkan sehingga 31 Mac ini tidak dilanjutkan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, jika mereka masih enggan mendapatkan suntikan sehingga tarikh berkenaan, status vaksinasi individu tersebut adalah tidak lengkap.

"Tempoh kita beri bukan berkaitan Pilihan Raya Negeri (PRN), tapi bagi masa kepada mereka melengkapkan dalam tempoh lanjutan (yang diberi). Ini yang terakhir dan muktamad.

"Jika (pada tarikh) akhir

DOS PENGALAK UNTUK PENERIMA VAKSIN SINOVAC

Tempoh hingga 31 Mac tidak dilanjutkan

ini mereka tidak dapat dos penggalak, maka status mereka tidak lengkap," katanya menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor)** pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, inisiatif KKM memberi pilihan ke-

pada orang ramai memperoleh vaksin pilihan mereka di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi meningkatkan keyakinan mereka mendapatkan dos penggalak.

"Kita buat keputusan memastikan pertama, kita sudah memperluas pemberian booster kepada semua melalui walk-in di PPV. Kedua, memberi pilihan

kepada mereka yang belum mendapatkan dosnya, sebab ada keengganan di kalangan penerima vaksin un-



"Tempoh kita beri bukan berkaitan Pilihan Raya Negeri (PRN)"
Khairy

tuk menerima dos campuran dari dos primer mereka.

"Di beberapa PPV, kita bagi pilihan dan ini bantu menaikkan liputan vaksinasi yang sebelum ini mereka tidak mahu," katanya.

Menjawab soalan asal **Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu)**, Khairy berkata, KKM mengaktifkan semula National Covid-19 Rapid Response Task Force (RRTF 2.0) bermula 7 Februari lalu dalam menghadapi cabaran

gelombang Omicron.

"Ini bagi memastikan akses ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital terjamin serta memantau kes positif Covid-19 melalui Pusat Penilaian Covid-19 secara maya (VCAC).

"(Selain pemberian dos penggalak, KKM juga) membangunkan Covid-19 Clinical Care Pathway bagi tujuan memulakan ubat antiviral terkini yang akan diberi kepada pesakit Covid-19 berisiko tinggi pada peringkat lebih awal semasa mereka bergejala ringan bagi mencegah jangkitan menjadi lebih teruk," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Elaun khas barisan hadapan

KKM semak dan kemas kini dari semasa ke semasa untuk memperluas pemberian elaun khas

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan (KKM) akan menyemak dan mengemas kini dari semasa ke semasa untuk memperluas pemberian elaun khas kepada petugas barisan hadapan kesihatan yang mengurus wabak Covid-19 di negara ini.

Menterinya Khairy Jamaluddin berkata, selain doktor, jururawat dan pemandu ambulans yang ketika ini termasuk dalam kalangan petugas yang layak menerima elaun khas berkenaan, namun masih terdapat kumpulan lain kesihatan turut terbahit dalam pengurusan wabak itu.

"Kumpulan yang layak menerima elaun khas ini



akan kita semak, akan kemas kini dari semasa ke semasa, contohnya ahli fisioterapi yang terlibat dalam rawatan pesakit 'long Covid' yang kita

fikir menepati kriteria untuk mendapat elaun khas tersebut," katanya ketika sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat, di sini, se-

malam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin) yang mahu Khairy menyatakan pemba-

nyaran bonus kepada pekerja barisan hadapan dalam kalangan kakitangan kesihatan.

Khairy berkata, sehingga 31 Disember tahun lalu, sebanyak RM1.1 bilion elaun khas sudah dibayar kepada petugas barisan hadapan kesihatan.

Pada Mac 2020, kerajaan mengumumkan peningkatan elaun khas daripada RM400 kepada RM600 bagi petugas kesihatan seperti doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terbahit secara langsung dalam pengurusan serta usaha mengekang penularan Covid-19 di negara ini.

Berkenaan aduan petugas barisan hadapan yang tidak menerima elaun khas itu ke-


rana tidak mengambil vaksin, Khairy berkata, antara syarat untuk layak menerimanya adalah petugas mesti mendapatkan vaksin Covid-19 di samping syarat-syarat lain termasuk jumlah hari bekerja.

"Tetapi jika petugas tidak boleh menerima vaksin akibat isu kesihatan, mereka tetap layak dibayar elaun khas tersebut," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai jumlah doktor kontrak yang akan diserap ke jawatan tetap tahun ini, Khairy berkata, kekosongan jawatan pegawai perubatan ialah 3,586.

Katanya, iklan jawatan kosong berkenaan sudah diiklankan di laman sesawang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPS) sejak kelmarin.

Saringan peperiksaan SPM



CALON peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abu Bakar mengisi borang deklarasi saringan COVID-19 sebelum menduduki peperiksaan tersebut, semalam.

Pemakaian pelitup muka, kebersihan diri mesti dijaga

Kuala Lumpur: Usaha Pembukaan Semula yang selamat kekal sebagai prinsip panduan kerajaan untuk memastikan kapasiti penjagaan kesihatan Malaysia kekal terurus meskipun jumlah suntikan harian vaksin Covid-19 negara tinggi.

Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menerusi akaun Twitter rasminya berkata, Kuarter Menteri Covid-19 memahami bahawa banyak negara mula menghapuskan sekatan bagi menangani pandemik itu pada skala yang lebih besar, namun kerajaan perlu sentiasa berhati-hati.

"Dalam merangka strategi keluar negara kita da-

ripada #Covid19 (Covid-19) dan selaras dengan #Mem-buka Semula Dengan Selamat, Malaysia akan memasuki fasa 'Peralihan ke Endemik' tidak lama lagi.

"Lebih banyak sektor dibuka, kawalan sempadan dilonggarkan; tetapi langkah berjaga-jaga keselamatan seperti pemakaian pelitup muka dan kebersihan diri mesti dijaga," katanya.

Hishammuddin berkata, walaupun kes positif Covid-19 di Malaysia lebih tinggi berbanding Delta pada Ogos tahun lalu, bilangan kemasukan pesakit dan kematian direkodkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 80 peratus hingga 90 peratus lebih rendah.

KKM rekod 25,445 laporan kesan AEFI

Putrajaya: Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 25,445 laporan kesan advers susulan imunisasi (AEFI) iaitu pada kadar 381 laporan bagi setiap sejuta dos sehingga 25 Februari lalu.

Pengarah NPRA, Dr Roshayati Mohamad Sani, berkata ia termasuk 1,275 laporan membabitkan dos penggalak dan 94 laporan dalam kalangan penerima

vaksin kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun.

"Majoriti daripada laporan AEFI diterima iaitu 93 peratus atau 23,682 adalah tidak serius dan biasanya akan pulih dalam tempoh sehari dua. Antara contoh AEFI tidak serius termasuk demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

"Sebanyak 1,763 laporan dikategorikan AEFI serius dengan kadar 26 laporan ba-

gi setiap sejuta dos," katanya pada Sesi Taklimat Bersama Media berhubung Laporan AEFI Vaksin Covid-19 Siri 2/2022, secara dalam talian, semalam.

Dr Roshayati berkata, kesan AEFI serius adalah kesan memerlukan kemasukan ke hospital, pemanjangan tempoh di wad, mengancam nyawa, atau disyaki menyebabkan kematian.

Beliau berkata, NPRA menerima sebanyak 1,275 la-

poran AEFI daripada penerima dos penggalak iaitu pada kadar 89 laporan bagi setiap sejuta dos dan ia lebih rendah daripada kadar keseluruhan pelaporan AEFI iaitu kadar 381 laporan bagi setiap sejuta dos.

Katanya, hanya 90 laporan atau 7.06 peratus daripada jumlah laporan AEFI diterima bagi dos penggalak diklasifikasikan serius iaitu pada kadar 6.3 laporan bagi setiap juta dos.

Putrajaya: Penerima vaksin boleh melaporkan sendiri kesan advers susulan imunisasi (AEFI) sekiranya pengamal perubatan yang merawat mereka tidak berbuat demikian.

Ketua Seksyen Farmakovigilans, Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Azuana Ramli, berkata selalunya laporan berkenaan AEFI dilaporkan pengamal perubatan di KKM atau swasta kepada pihaknya jika mereka mengesyaki ia ada

kaitan pemberian vaksin.

Bagaimanapun, beliau berkata, penerima vaksin yang merasakan mereka mengalami kesan berkenaan boleh berbuat demikian dengan memuat turun borang dalam laman sesawang NPRA dan mengisinya sendiri sebelum emel kembali.

Menurutnya, apabila seseorang merasakan mereka terkesan dengan pelalian yang diterima, mereka perlu ke klinik kesihatan atau pusat perubatan swasta untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Lanjut tempoh dos penggalak, bukan sebab PRN – Khairy

KUALA LUMPUR – Melanjutkan tempoh pengambilan dos penggalak kepada penerima Sinovac berusia 18 tahun ke atas dan warga emas 60 tahun ke atas sehingga 31 Mac ini tiada kaitan dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sebaliknya lanjutan itu adalah bertujuan memberikan masa kepada dua golongan itu untuk melengkapkan suntikan dos penggalak mereka.

"Ada juga banyak permintaan daripada golongan ini supaya dilanjutkan tempoh untuk mereka mengambil dos penggalak, ini adalah lanjutan terakhir, telah muktamad, jika 31 Mac mereka masih tidak ambil dos penggalak, status vaksin mereka adalah tidak lengkap," katanya pada sesi soal jawab di Persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad (**PH-Kuala Selangor**) yang ingin tahu apakah alasan lanjutan tempoh mengambil dos penggalak bagi dua golongan itu sehingga 31 Mac ada kena mengena dengan PRN Johor pada 12 Mac ini.

Sebelum ini Kementerian Kesihatan (KKM) memutuskan penerima vaksin berusia

DEWAN RAKYAT

60 tahun ke atas dan individu berusia 18 tahun ke atas yang menerima vaksin jenis Sinovac perlu mendapatkan dos penggalak sebelum 28 Februari lepas kerana selepas tarikh berkenaan status vaksinasi di aplikasi MySejahtera akan menunjukkan status tidak lengkap.

Dalam perkembangan lain, bagi vaksin kanak-kanak lima hingga 11 tahun, Khairy berkata, Sarawak menjadi negeri penerima tertinggi vaksin bagi golongan itu apabila 57 peratus kanak-kanaknya telah menerima sekurang-kurangnya dos pertama.

Menjawab soalan asal Oscar Lin Chai Yew (**PH-Sibu**) yang mahu kementerian menyatakan keseriusan Omicron berbanding dengan varian lain, Khairy Jamaludin berkata, walaupun peningkatan mendadak direkodkan, lebih 99 peratus kes harian yang dicatatkan adalah dalam kategori 1 dan 2 sahaja.



PENERIMA vaksinasi Sinovac diberi masa sehingga 31 Mac untuk menerima dos penggalak sebelum status vaksin di MySejahtera dikira sebagai lengkap.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEGARA

*Penggunaan katil ICU Putrajaya tertinggi, melebihi 67 peratus

PUTRAJAYA – Putrajaya mencatatkan peratusan pengisian katil kes kritikal atau unit rawatan rapi (ICU) tertinggi melebihi negeri-negeri lain dengan 67 peratus, setakat kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dalam masa sama, tujuh lagi negeri turut mencatatkan peratusan pengisian katil kes kritikal melebihi 50 peratus.

Menurutnya, ia melibatkan Kuala Lumpur (65 peratus), Johor (63 peratus), Melaka (63 peratus), Kelantan (58 peratus), Perlis (55 peratus), Selangor (55 peratus) dan Sabah (53 peratus).

“Bagi katil bukan ICU pula, 12 negeri mencatatkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus dengan yang tertinggi ialah Kelantan sebanyak 94 peratus, diikuti oleh Kuala Lumpur (95 peratus) dan Perak (90 peratus).

“Seterusnya Putrajaya (86 peratus), Selangor (81 peratus), Perlis (78 peratus), Pahang (73 peratus), Johor (66 peratus), Terengganu (62 peratus), Pulau Pinang (60 peratus), Sabah (54 peratus) dan Sarawak (52 peratus),” katanya semalam.

Bagi katil Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), beliau berkata, hanya Melaka merekodkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus iaitu sebanyak 60 peratus dilaporkan kelmarin.



SEBANYAK 25,854 jangkitan baharu Covid-19 dicatatkan kelmarin.

– GAMBAR HIASAN

“Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 213 pesakit dan peratusan penggunaan ventilator 36 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19,” ujarnya.

Sementara itu, negara mencatatkan peningkatan kes kematian Covid-19 kepada 32,827 kes, selepas pertambahan 78 kes kelmarin.

Sebanyak 25,854 kes berbanding Sabtu lalu yang mencatatkan sebanyak 23,100 kes.

Berdasarkan data pada laman web CovidNow, 78 kematian tersebut dilaporkan di Johor (21),

Kedah (15), Selangor (13), Perak (9), Sabah (6), Pulau Pinang (5), Kelantan (2), Melaka (2), Terengganu (2), Negeri Sembilan (1), Pahang (1) dan Kuala Lumpur (1).

Daripada jumlah kumulatif kematian pula, pecahan-pecahan mengikut negeri ialah Selangor (10,198 kes), Johor (4,081 kes), Sabah (2,975 kes), Kuala Lumpur (2,718 kes), Kedah (2,281 kes) dan Pulau Pinang (1,812 kes).

Sementara itu, Sarawak (1,627 kes), Perak (1,522 kes), Negeri Sembilan (1,360 kes), Kelantan (1,311 kes), Melaka (1,003 kes), Pahang (842 kes), Terengganu (781 kes), Labuan (152 kes), Perlis (142 kes) dan Putrajaya (22 kes).

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

KKM kemas kini petugas barisan hadapan layak dapat elaun khas

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menyemak dan mengemas kini senarai kumpulan petugas barisan hadapan yang mengurus wabak Covid-19 bagi memperluaskan pemberian elaun khas kepada golongan itu.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, masih terdapat kumpulan kesihatan lain yang terlibat dalam pengurusan wabak itu selain doktor, jururawat dan pemandu ambulans yang layak menerima elaun khas tersebut.

"Kumpulan yang layak menerima elaun khas ini akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa, contohnya ahli fisioterapi yang terlibat dalam rawatan pesakit 'long Covid' yang menepati kriteria untuk mendapat elaun khas tersebut," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Khairy berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin)** yang mahu beliau menjelaskan pembayaran bonus kepada pekerja barisan hadapan dalam kalangan kakitangan kesihatan.

Mengulas lanjut Khairy berkata, sejumlah RM1.1 bilion elaun khas Covid-19 telah dibayar kepada petugas barisan hadapan kesihatan sehingga 31 Disember tahun lalu.

"Prinsip yang melayakkan pembayaran elaun khas Covid-19 adalah, doktor dan anggota kesihatan perlu diarahkan melaksanakan tugas dalam rantaian skop pengurusan wabak itu dan bayaran dibuat berdasarkan borang tuntutan yang dibuat oleh pegawai kepada pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing," katanya.



Sebanyak RM1.1 bilion elaun khas Covid-19 telah dibayar kepada barisan hadapan.

Untuk penerima Sinovac
ambil dos penggalak

Oleh DIANA AZIS

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan melanjutkan tempoh pemberian dos penggalak kepada penerima vaksin Sinovac yang telah ditetapkan sehingga 31 Mac ini.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sekiranya golongan itu masih enggan mendapatkan dos penggalak selepas tarikh yang ditetapkan, status vaksinasi mereka dalam aplikasi MySejahtera akan bertukar kepada tidak lengkap.

"Tempoh yang kita beri tiada kaitan dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor tetapi untuk beri masa kepada mereka melengkapkan (dos penggalak) dalam tempoh lanjutan (yang ditetapkan) dan ini terakhir dan muktamad."

"Jika (pada tarikh) akhir ini mereka tidak dapatkan dos penggalak, maka status adalah tidak lengkap," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan daripada **Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad (PH-Kuala Selangor)** pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada Rabu.

KKM sebelum ini menetapkan tempoh akhir bagi penerima vaksin Sinovac dan warga emas berusia 60 tahun ke atas mendapatkan dos penggalak adalah sehingga 28 Februari lalu namun dilanjutkan ke 31 Mac ini.

Mengulas lanjut Khairy berkata, inisiatif KKM yang memberi pilihan



KHAIRY

Tarikh akhir 31 Mac muktamad



Penerima vaksin Sinovac dan warga emas berusia 60 tahun ke atas diwajibkan mengambil dos penggalak.

kepada orang ramai untuk mendapatkan vaksin pilihan di pusat pemberian vaksin (PPV) berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat untuk mendapatkan dos penggalak.

"Kita buat keputusan untuk memastikan pertama, sudah memperluas pemberian dos penggalak kepada semua melalui walk-in di PPV. Kedua, memberi pilihan booster kepada mereka yang belum mendapatkan dosnya kerana ada keengganan dalam kalangan penerima vaksin untuk menerima dos campuran daripada dos primer."

"Di beberapa PPV, kita beri pilihan dan ini membantu menaikkan liputan vaksinasi yang sebelum ini mereka tidak mahu," katanya.

Sementara itu bagi menjawab

soalan asal **Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu)**, Khairy menjelaskan, KKM telah mengaktifkan semula Pasukan Respons Pantas Covid-19 Kebangsaan (RRPF 2.0) bermula 7 Februari lalu bagi menghadapi cabaran gelombang Omicron.

"Ini bagi memastikan akses ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital terjamin serta melakukan pemantauan kes positif melalui Pusat Penilaian Covid-19 secara maya."

"KKM juga membangunkan Covid-19 Clinical Care Pathway bagi tujuan memulakan ubat antiviral terkini yang akan diberikan kepada pesakit Covid-19 berisiko tinggi pada peringkat lebih awal," katanya.

Berbanding varian Delta, Khairy berkata, Omicron lebih mudah menjangkiti dan membiak pada bahagian atas saluran pernafasan sekali gus menjadi punca virus ini lebih mudah berjangkit.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Kes Covid-19 catat 78 lagi kematian

SHAH ALAM - Sejumlah 78 kes kematian Covid-19 direkodkan pada Selasa termasuk 34 kes kematian yang berlaku di luar hospital (BID).

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan di portal CovidNow, angka kematian itu menjadikan jumlah kumulatif kematian kini mencecah angka 32,827.

Johor mencatatkan angka kematian tertinggi iaitu 21 kes, diikuti Kedah (15), Selangor (13), Perak (sembilan), Sabah (enam), Pulau Pinang (lima),

Kelantan, Melaka, Terengganu (masing-masing dua) serta Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Pahang (masing-masing satu).

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) hospital membabitkan pesakit Covid-19 di lapan



NOOR HISHAM

negeri mencatatkan kapasiti melebihi 50 peratus.

Penggunaan katil bukan ICU hospital di 12 negeri turut mencatatkan kapasiti sama.

"Bagi katil ICU melibatkan pesakit Covid-19 di hospital Putrajaya mencatatkan penggunaan kapasiti tertinggi iaitu 67 peratus diikuti Kuala Lumpur (65 peratus), serta

Melaka (63 peratus).

"Katil ICU di Kelantan pula mencapai 58 peratus, Perlis dan Selangor (55 peratus), serta Sabah (53 peratus).

"Katil bukan ICU bagi Kelantan (94 peratus), Kuala Lumpur (95 Peratus), Perak (90 peratus), Putrajaya (86 peratus), dan Selangor (81 peratus). Katil bukan ICU di hospital Perlis mencatatkan kapasiti penggunaan 78 peratus, diikuti Pahang (73 peratus) dan Johor (66 peratus)," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / NATION

UP TO FEB 25

'NPRA RECEIVED 25,445 REPORTS POST-VAX'

93pc of cases not serious and recovered within one to two days, says director

NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) has recorded 25,445 adverse events following immunisation (AEFI) reports up to Feb 25.

Its director, Dr Roshayati Mohamad Sani, said these included 1,275 reports involving booster doses (6.3 reports per one million doses) and 94 reports involving children aged 5 to 11 years.

"Of the 25,445 AEFI reports (381 reports per one million doses) received by the NPRA, 93 per cent (or 23,682 cases) were not serious and recovered within one to two days. Among the non-serious AEFI are fever, pain at the injection site, headache, muscle aches and fatigue.

"The agency received 1,763 reports that had been categorised as serious AEFI cases (26 reports per one million doses) requiring hospitalisation, a prolonged time in the ward, life-threatening or possible fatalities," she said in a virtual media briefing yesterday.

Dr Roshayati also said 596 AEFI incidents involving deaths were reported and assessed by the Covid-19 Vaccine Special Pharmacovigilance Committee (JFK). It was found that 433 had no links to the vaccine, and 163 others are still under investigation.

Up to Feb 25, a total of 66,767,854 doses of Covid-19 vaccines had been administered in Malaysia, comprising Comirnaty (Pfizer), CoronaVac (Sinovac), AstraZeneca (AZ), Convidecia (CanSino) and Covilo (Sinopharm).

On AEFI involving booster doses, Dr Roshayati said only 90 reports (7.06 per cent) were classified as serious (6.3 reports per one million doses).

"Up to Feb 25, Malaysia had administered 14,369,227 booster doses."

On AEFI cases among vaccine recipients aged 5 to 11 years, she said the NPRA had received 94 reports (0.1 per 1,000 doses ad-



